

# Pendidik wajar disanjung, bukan dicemuh

**M**ENGEJUTKAN juga apabila membaca berita mengenai seorang pelajar perempuan Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah di Perlis yang memukul dan menendang gurunya sendiri, baru-baru ini. Tindakan keterlaluan itu mengundang padah kepada dirinya apabila dia digantung persekolahan selama seminggu oleh pihak sekolah.

Bukan setakat itu saja, rentetan laporan polis yang dibuat guru yang menjadi mangsa, pelajar itu akan turut disiasat mengikut Seksyen 323 oleh pihak polis kerana dengan sengaja mendaatkan kecederaan.

Walaupun pelajar berkenaan cuba menyatakan rasa insaf dan memohon maaf kepada guru yang dikasarnya itu, tindakannya tidak ubah

seperti 'nasi sudah menjadi bubur'. Andai benar dirinya ikhlas untuk menimba ilmu, pasti sejak awal dia akur apabila ditegur, jujur mengakui kesilapan.

Ini tidak, sudahlah tugas diberikan gurunya tidak disempurnakan, pelajar itu pula begitu berani menulis perkataan 'gila babi' di belakang buku tugasannya, yang penulis kira adalah luahan rasa tidak puas hati yang tidak kena gayanya terhadap guru berkenaan.

Kemuncak tindakan biadab pelajar itu terserlah apabila dia dilaporkan sanggup menghayun tangan memukul dan mengangkat kaki menendang guru yang kemuliannya diiktiraf hampir setaraf dengan martabat ibu dan bapa.

Penulis akur, tindakan pelajar perempuan itu adalah

satu manifestasi rasa memberontak sebilangan pelajar sekolah di seluruh negara terhadap guru, namun ia juga membuktikan kedangkalan pemikiran mereka.

Banyak lagi tindakan kurang waras yang acap kali dilakukan akibat rasa tidak puas hati dengan guru seperti mencalarkan kereta guru, menghantar surat layang atau khidmat pesanan ringkas (SMS) caci maki, menconteng dinding tandas sekolah dengan kutukan terhadap guru tertentu, ponteng sekolah dan sebagainya.

Namun, tindakan negatif sebilangan kecil pelajar itu tidak mencerminkan keperibadian umum pelajar sekolah di negara kita. Majoriti pelajar lain yang tinggi nilai moral dan sopan santun pasti turut bersama mengikut masyarakat umum mengutuk

tindakan negatif rakan itu. Mereka pasti sedar bahawa guru perlu disanjung, dihormati dan disayangi sama seperti dilakukan kepada ibu bapa sendiri.

Sesungguhnya, guru adalah individu yang sangat mulia hati nuraninya. Gurulah pembimbing yang bertanggungjawab dalam mencerna kecemerlangan sahsiah, kerohanian dan intelektualisme anak bangsa.

Luhur dan penting jasa guru sehingga masyarakat mentafsirkan diri guru sebagai 'lilin yang ikhlas membakar diri sendiri untuk menerangi kegelapan'. Habis segala peluh dan keringat dicurahkan, masa dikorbankan, tenaga dan idea disumbangkan, bahkan air mata dilinangkan hanya untuk melihat anak bangsanya berjaya.

Jika cara berlembut atau bertolak ansur tidak lagi berkesan dalam memperbetulkan kesilapan pelajar, maka sudah tentulah seorang guru akan menggunakan kaedah mendenda atau menghukum dengan tegas.

Pengalaman penulis sendiri dan beberapa rakan yang agak nakal ketika zaman persekolahan dulu, sering didenda serta dimarahi guru. Begitupun, kami tidak berani melawan kerana sedar itulah tandanya guru kasih dan sayang terhadap kami. Dengan izin Allah, hari ini kami semua berjaya dalam kehidupan berkat ketabahan guru mendidik serta membimbing tanpa jemu dan putus asa.

**KHAIRUNNEEZAM  
MOHD NOOR,**  
*La Trobe University,  
Melbourne, Australia.*